

REVITALISASI PROSES PENEGUHAN AKIDAH DALAM MENGHADAPI CABARAN PASCAMODENISME

Dato' Zakaria Stapa

Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan, Selangor, Malaysia

Email: karia@pkrisc.cc.ukm.my

Abstract: Pascamodenisme had been actively sneaking in all sectors of life and leads to a change in setting values and lifestyle. As willingly to lerated, if it controlled atmosphere and pulse Western life, it is also certainly appears to be an image and the image is immediately admired and exported to all of the world, including the Muslim world, in various means and channels. The danger is two-dimensional generated by secularization on the one hand, and bribes pascamodenisme value which is also the last issue of secularism itself is spread widely through the process of globalization. To restore this condition, the passage must necessarily be given to the creed to play a memorable role as an identity forming and the identity in society. In addition, the process also needs to be given in solid support without split by major institution in society, especially in family institution, educational institution-formal and informal –social growth, empire and the mass media.

Abstrak: Pascamodenisme telah dan sedang bergerak aktif menyelinap masuk ke dalam segenap sektor kehidupan yang bermuara pada perubahan seting nilai dan gaya hidup. Dan sebagaimana yang sedia dimaklumi, apabila ia menguasai suasana dan denyut nadi kehidupan Barat, maka ia juga pastinya muncul menjadi suatu imej dan citra yang dikagumi dan secara segera dieksport ke serata dunia, termasuk dunia muslim, menerusi pelbagai cara dan saluran. Bahayanya adalah dwi-dimensi yang dihasilkan oleh sekularisasi di satu pihak, dan sogokan nilai pascamodenisme yang juga merupakan edisi terakhir sekularisme itu sendiri yang disebar luas melalui proses globalisasi, di pihak yang lain. Untuk memulihkan keadaan ini, laluan mestilah diberikan kepada akidah untuk memainkan peranannya yang berkesan sebagai pembentuk identiti dan jati diri dalam kalangan ummah. Di samping itu proses tersebut juga perlu diberikan sokongan padu tanpa berbelah bahagi oleh pelbagai institusi utama dalam masyarakat ummah, khususnya institusi keluarga, institusi pendidikan—formal dan tidak formal—pertubuhan sosial, kerajaan dan media massa.

Keyword: pascamodernisme, peneguhan akidah, pendidikan, sekularisasi

A. Pendahuluan

Sesungguhnya pada bila-bila masa dan di mana-mana pun juga, setiap Muslim perlu hidup dengan identiti dan jati diri keislaman yang tulen, utuh dan boleh dibanggakan. Tidak ada maknanya sama sekali bagi ummah pada keseluruhannya dan kesucian agama Islam seandainya kuantiti ummah yang ramai sedangkan mereka kehilangan jati diri keislaman mereka. Dalam keadaan sebegini, kesucian agama Islam itu sendiri akan tercalar disebabkan tingkah laku dan gaya hidup Muslim yang tidak mencerminkan tuntutan dan citra agamanya yang maha suci. Hal seumpama inilah, sebagaimana yang boleh diperhatikan dengan baik, yang banyak berlangsung dalam kehidupan harian sebahagian besar golongan Muslim masa kini di serata dunia. Ini tentunya merupakan satu kemalangan dan petaka besar ummah semasa yang tidak wajar dibiarkan terus berlangsung tanpa sebarang usaha bendungan dan hadangan yang perlu diambil tindakan bijaksana oleh golongan Muslim yang sedar dan faham tentang betapa perlunya jati diri keislaman ummah itu ditegakkan seutuhnya dalam diri setiap Muslim.

Bagaimanapun, usaha untuk memperteguhkan identiti dan mencergas serta menktifkan semula gaya hidup keislaman ummah, dalam tempoh masa kini, bukanlah suatu perkara mudah. Ia memerlukan kesungguhan luar biasa, jihad dan kebijaksanaan tersendiri dalam mendepani pelbagai cabaran yang sedia terhidang dalam pelbagai bentuk yang semuanya bercanggah secara asasi dengan nilai dan tuntutan Islam. Malahan, dalam sesetengah keadaan tertentu, hidangan tersebut sememangnya disedia dan dirancang secara halus dan teliti untuk meruntuhkan Islam dan umatnya. Hal ini berbangkit dan berkaitan secara langsung dan lebih jelas terutamanya setelah pihak Barat berjaya mengalahkan blok dan faham komunisme dalam Perang Dingin. Barat melihat selepas tersungkurnya Komunisme, maka Islam dan tamadunya sahaja kini yang boleh dan berupaya untuk mencabar kelangsungan dominasi tamadun Barat ke atas dunia

seluruhnya. Oleh itu, segala usaha dan tumpuan pihak Barat kini perlu dihalakan kepada dunia Islam dengan menggunakan pendekatan yang lebih kurang sama seperti yang telah digunakan dalam usaha mereka menjatuhkan Komunisme dahulu. Peperangan terhadap Islam menerusi perang terbuka di medan perang, perang pemikiran, usaha memecah belahkan umat Islam dengan menggunakan isu-isu yang sedia ada dalam masyarakat Islam itu sendiri, memberi sokongan dalam pelbagai bentuk, termasuk bantuan kewangan kepada pihak-pihak tertentu dalam masyarakat Islam yang mempunyai idea yang sesuai dengan pandangan Barat, semua perkara itu adalah sebahagian usaha-usaha Barat yang terancang yang boleh diperhatikan dengan baik dilakukan oleh mereka di tengah-tengah dunia Islam masa kini (Khafaji 2010: 1, 3, 11, 17, 19).

Berdasarkan fakta ini, dapatlah difahami dan dianalisis dengan baik segala sesuatu yang sedang berlangsung dalam dunia Islam semasa. Peperangan dan pertelingkahan terbuka di dunia Arab, kewujudan aliran-aliran pemikiran liberal, plural dan sesat, gaya hidup songsang dalam masyarakat Islam, percakapan Sunni-Syi'i di beberapa bahagian dunia Islam, gerakan Kristianisasi dalam masyarakat Islam, semua itu nampaknya ada kaitan langsung dengan *grand design* pihak Barat untuk menghancurkan Islam dan menjamin dominasi mereka terhadap segala sesuatu di duni ini.

Bagaimanapun, dalam tulisan ini fokus hanya akan diberikan kepada satu bentuk pemikiran sesat dan terkini yang digelar sebagai faham pascamodenisme. Dalam usaha untuk mengelakkan umat Islam terjebak dalam faham *mulhid* ini, maka mereka perlu didedah dan diperkenalkan dengan selok belok faham ini. Apabila faham ini dapat difahami dengan baik, ummah perlu pula diperteguhkan pegangan akidah mereka supaya mereka dapat tegap hidup bernaung di bawah panji-panji kehebatan Islam dengan menghayati nilai-nilai jati diri keislaman.

B. Pascamodenisme: Skop, Ciri Dan Manifestasi

1. Mukadimah

Dapatan penyelidikan yang penulis lakukan bersama dengan sekumpulan penyelidik berkaitan dengan nilai keagamaan masyarakat Melayu Malaysia dalam arus globalisasi menunjukkan bahawa masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia berasa tergugat dan amat bimbang akan kehilangan nilai-nilai murni keagamaan pegangan mereka dengan landaan deras arus globalisasi yang kedatangannya sukar, dan malahan dalam keadaan sekarang, bagaikan tidak mungkin, ditolak atau dibendung. Oleh itu, mereka mempertegaskan secara sungguh-sungguh supaya segenap pihak—kerajaan, masyarakat dan keluarga--memberikan keutamaan kepada pendidikan agama, dengan tumpuan kepada pendidikan al-Qur'an, akidah dan akhlak. Mereka mencadangkan, secara sungguh-sungguh, supaya pendidikan agama tersebut diterapkan secara serius dan terancang kepada segenap lapisan ahli masyarakat bagi mempersiapkan diri mereka dengan peralatan dan bekalan perlu untuk membolehkan mereka berperanan secara berkesan dalam membendung dan menagkis unsur-unsur negatif daripada landaan hebat arus globalisasi yang membawa bersamanya nilai-nilai yang sebahagiannya amat jelas bertentangan dengan nilai-nilai murni ajaran agama Islam yang maha suci yang menjadi anutan mereka (Zakaria at al 2003: 58-59).

Sesungguhnya, kegusaran dan kebimbangan masyarakat Melayu-Muslim di Malaysia tersebut adalah sesuatu yang amat munasabah sekali kerana pelbagai unsur dan nilai negatif bawaan arus globalisasi tersebut jika dibiarkan berleluasa tanpa sebarang usaha penampanan berkesan menerusi persiapan diri ummah dalam menghadapinya, maka pasti ummah akan kehilangan, atau paling kurangnya, terhakis jati diri keislaman mereka. Hal ini tentunya dapat dibuktikan dengan baik menerusi pencerakinan akan kehebatan dan kecanggihan gelombang globalisasi itu sendiri yang kini sedang melanda serata ceruk rantau dan pelusuk

dunia tanpa sebarang kecuali. Sesungguhnya, dalam tempoh sekarang, bagaikan tidak ada lagi ruang vakum di planet bumi ini yang tidak dijelajahi secara berkesan oleh gelombang globalisasi tersebut.

Bagaimanapun, dalam usaha untuk mencerakinkan ciri-ciri utama yang menunjangi faham dan arus globalisasi tersebut, adalah perlu difahami bahawa globalisasi itu sendiri adalah salah satu produk dan ciri pascamodenisme (Abdul Rahman 2000 (i): 38; Hawke 2010: 1) yang dihasilkan khusus untuk berganding sama, termasuk dalam memberi kemudahan kepada proses penyebaran faham pascamodenisme tersebut. Malahan, sesungguhnya pascamodenisme itu, tidak lain dan tidak bukan, adalah ideologi dan budaya yang mendasari denyut nadi keseluruhan perjalanan globalisasi (FAV 2000: 1). Oleh itu, dalam konteks di sini, untuk menjadi lebih tertib dan lebih memudahkan kefahaman, pencerakinan terhadap istilah dan faham globalisasi tersebut kelihatannya perlu dimulakan dengan pembicaraan selok belok induknya terlebih dahulu, iaitu apa yang diistilahkan sebagai pascamodenisme atau faham pascamoden.

2. Pascamodenisme

Sesungguhnya, dunia seluruhnya kini sedang berada dalam satu era baru yang digelar sebagai zaman pascamoden. Kemunculannya, secara mudah, menandakan berakhirnya zaman moden. Bagaimanapun, zaman baru ini tidaklah hanya merujuk kepada tempoh waktu khusus sebagai lanjutan kepada zaman moden semata-mata, tetapi ia juga merujuk kepada satu sistem falsafah—sekalipun ada pihak tertentu yang melihatnya lebih merupakan sebagai satu laporan mengenai set minda budaya Barat yang lebih merupakan satu mod khusus dan tidak boleh dianggap sebagai suatu sistem falsafah (Wade 2002: 1)--yang tersendiri yang membawa bersamanya pandangan dunia, pemikiran, nilai dan gaya hidup baru yang digelar sebagai pascamodenisme atau faham pascamoden (Hoffman 2008: 1-2).

Istilah dalam bahasa Inggeris, *postmodernism* ini telah dicipta oleh seorang ahli sejarah British tersohor, Arnold Toynbee pada peringkat terakhir dekad 1940an, tetapi istilah ini baru mula digunakan pada pertengahan dekad 1970an, khususnya oleh Charles Jencks, seorang pengkritik dan ahli teori sastera Amerika dalam usaha beliau untuk menjelaskan pergerakan golongan anti moden kentemporar dalam bidang tersebut. Seterusnya, istilah ini pertama kali memasuki kamus falsafah dalam tahun 1979 dengan terbitnya buku *The postmodern condition: A report on knowledge*, hasil tulisan Jean-Francois Lyotard, iaitu salah seorang di antara pemikir awal yang menulis secara ekstensif perihal *postmodernism* sebagai suatu fenomena budaya yang lebih luas. Dan *postmodernism* ini mula muncul sebagai satu bidang atau disiplin pengajian akademik yang khusus sejak pertengahan dekad 1980an (Ward 2011: 1; Klages 2003: 1; Aylesworth 2005: 1).

Demikian latar belakang kemunculan, penggunaan dan perkembangan istilah serta faham pascamodenisme (*postmodernism*) di Barat yang ternyata dalam tempoh lebih kurang empat dekad sahaja ia telah berjaya muncul sebagai suatu faham dan ciri zaman yang agak kukuh, sehingga berjaya pula lahir dan tertubuh sebagai satu disiplin ilmu atau pengajian akademik yang khusus--sekalipun terdapat kontradiksi dan perbezaan pandangan di sana sini dalam kalangan para pengkaji dalam hal ini. Dengan itu, kalau dilihat daripada perspektif kronologi sejarah—walaupun masih juga terdapat pihak-pihak tertentu yang meragukan bila sebenarnya *postmodernism* itu bermula (Klages 2003:1)--, maka zaman pascamoden ini telah mula muncul meninggalkan zaman moden pada peringkat terakhir dekad 1940an, atau sebagaimana yang dicadangkan oleh Louis Hoffman (2008:1-2) dalam tulisan beliau “Premodernism, modernism and postmodernism: An Overview” bahawa *postmodernism* itu bermula dari dekad 1950an hingga ke masa kini, iaitu dalam pengertian bahawa dekad 1950an tersebut

diambil kira sebagai tempoh berlakunya transisi daripada segala sesuatu yang didominasi oleh faham *modernism* kepada bermulanya proses pendominasian *postmodernism*.

Perkataan "*postmodern* atau pascamoden" secara literal merujuk kepada dua pengertian dan dua cara penggunaannya. Pertamanya, untuk memerihalkan satu era atau zaman, iaitu tempoh waktu sekarang yang dicirikan oleh: konsumerisme, pelbagai opsyen dan pilihan, globalisasi, Google, Facebook, SMS, GPS, perubahan yang berterusan tanpa henti-henti dan kehidupan superfisial tanpa tujuan mendalam, yang matlamat paling utamanya kehidupan itu ialah untuk semata-mata berseronok. Keduanya, merujuk kepada satu sikap atau set minda yang merupakan satu cara khusus dalam melihat dan memahami pelbagai perkara; satu paradigma atau satu pandangan dunia yang tersendiri. Dalam penggunaan kedua inilah munculnya istilah "*postmodernism* atau pascamodenisme" yang merupakan suatu set minda yang sedang menguasai secara merata masyarakat Barat masa kini (Hawke 2010: 1).

Faham pascamodenisme ini, dari segi pengertian dan definisi teknikalnya, adalah sesuatu yang begitu kompleks, boleh berubah-ubah mengikut keadaan, sukar didefinisi dan malahan dikatakan hakikatnya tidak pun boleh didefinisi. Hal ini menjadi begitu atas asas bahawa mendefinisikannya secara khusus bermakna mencabul premis pegangan golongan pascamoden itu sendiri yang menghujahkan bahawa tidak wujud istilah khusus, sempadan khusus dan kebenaran mutlak. Di samping itu, istilah ini juga merupakan suatu konsep dan istilah umum yang merangkumi disiplin dan bidang pemikiran serta pengajian yang amat luas dan pelbagai sekali, termasuklah bidang-bidang falsafah, seni bina, budaya, kesusasteraan, muzik, filem, komunikasi, sosiologi, fesyen, teknologi dan lain-lain (Smith 2002: 2; Klages 2003: 1; Sardar 2000: 2; All about Philosophy 2011: 1). Selaras dengan keadaan ini, Jacques Derrida, salah seorang pemuka utama faham pascamodenisme menjelaskan:

Istilah pascamodenisme muncul dalam satu konteks yang luas; ia merangkumi esei-esei akademik hinggalah kepada iklan-iklan pakaian yang diiklankan dalam *the New York Times*. Maknanya berubah-ubah mengikut konteks, sehingga ke suatu tahap bahawa ia kelihatan berfungsi bagaikan suatu makna yang sentiasa tidak tetap (Hornqvist 2004: 1).

Dan kemudian, Ziauddin Sardar (2000: 2) pula mengungkapkan perkara ini sebagai berikut:

Perihal tabii pascamodeisme ini lebih dipersulitkan lagi oleh fakta bahawa ia kelihatan menjadi boleh diguna pakai untuk apa jua perkara, dan malah nyatanya tidak ada pun perkara yang bertentangan dengannya sehingga istilahnya tidak wajar digunakan. Kalaulah pascamodenisme ini ada cogan kata, maka cogan kata yang sesuai untuknya ialah “segalanya boleh”.

Ternyata bahawa keluasan skop yang dirangkumi oleh istilah pascamodenisme itu sendiri iaitu sehingga ke tahap apa jua perkara asalkan sahaja ia wujud dan berlaku dalam era pascamoden--, di samping pegangan para pendokongnya yang meyakini ketiadaan apa jua pun yang bersifat benar dan mutlak dalam kehidupan ini, telah menyebabkan definisi istilah ini sukar malah kadang-kadang dikatakan bagaikan tidak mungkin--untuk dirumuskan dengan kemas dan jitu. Bagaimanapun, secara analitis, persoalan pascamodenisme ini boleh difahami dari tiga komponen yang saling berkait antara satu sama lain, iaitu, dari segi sejarah: Ia mrujuk kepada suatu zaman baru yang lahir daripada zaman moden; sebagai perkembangan budaya: Ia merujuk kepada satu produk budaya dan gaya hidup baru; dan sebagai cara pemikiran dan penteorian: Ia merujuk kepada satu cara pemikiran dan penteorian baru tentang kehidupan manusia dan masyarakat hari ini dan akan datang yang mencabar cara pemikiran dan penteorian ilmu sosial selama ini. Dalam kata lain, pascamodenisme memberikan satu perspektif lain tentang masyarakat manusia, iaitu satu perspertif yang berbeza dan berlawanan dengan perspektif modenisme yang mendominasi

ruang pemikiran dan kehidupan manusia selama ini (Abdul Rahman 1998: 6).

Di samping itu, faham pascamodenisme ini mempunyai ciri-ciri utama dan prinsip-prinsip khususnya yang tersendiri yang boleh dirujuk dan diguna pakai untuk memahami secara lebih mendalam asas-asas yang menunjangi faham ini. Ciri dan prinsip utama tersebut adalah seperti berikut (Easley 2009: 2-4; All About Philosophy 2011: 1; Sardar 2000: 2-3; Hurd 1998: 3; Smith 2002: 2-3):

Tidak ada kebenaran mutlak. Ciri ini adalah ciri yang paling lazim dan merata di mana dihujahkan bahawa tidak ada dan tidak pernah boleh berlaku apa jua jenis kebenaran mutlak. Dalam pemikiran golongan pascamodenis kebenaran tidak boleh diketahui, dan sesiapa yang mendakwa mengetahui kebenaran adalah, sama ada bohong, atau bodoh. Pendukung pascamodenisme yakin bahawa faham kebenaran adalah tidak lebih daripada hanya suatu ilusi palsu, ia disalah guna oleh seseorang dan kumpulan-kumpulan tertentu yang mempunyai tujuan khusus untuk memaksakan kuasa ke atas orang lain.

- Fakta atau kebenaran dan pembohongan adalah sama dan boleh bertukar ganti. Ciri ini adalah suatu cabang yang muncul secara tabii daripada jenis pemikiran seperti pada ciri pertama di atas. Golongan pascamodenis mendakwa bahawa fakta adalah terlalu amat terbatas untuk boleh membuat penentuan terhadap apa jua perkara di mana perubahan boleh berlaku tanpa diduga. Oleh itu, apa yang hari ini diterima sebagai satu kebenaran, secara mudah boleh dibuktikan sebagai satu kesalahan pula pada esoknya, dan begitulah sebaliknya.
- Kecewa terhadap pemikiran moden atau modenisme. Pendukung pascamodenisme secara tipikalnya amat kecewa dengan kegagalan generasi moden memenuhi janji-janji untuk membawa keamanan, kemajuan dan ilmu pengetahuan. Mereka menyesali terhadap ketidak-upayaan sains, teknologi,

kerajaan dan agama menyempurnakan tugas sebagaimana yang dijanjikan. Kegagalan generasi moden mencapai matlamat mereka telah menyebabkan golongan pascamodenis tidak lagi menaruh kepercayaan terhadap ideal golongan modenis.

- Konseptualisasi sendiri dan rasionalisasi adalah satu norma. Oleh kerana kelemahan metode saintifik dalam menyelesaikan berbagai-bagai masalah dunia, maka golongan pascamodenis tidak lagi yakin terhadap apa yang dikatakan sebagai fakta, dan hal ini menyebabkan mereka meyakini pandangan atau pendapat peribadi sebagai pemacu pemikiran. Oleh itu, sekiranya seseorang dapat merasionalisasikan kefahaman atau pandangannya, itu adalah satu yang bermanfaat dan boleh diguna pakai.
- Komuniti global lebih penting daripada nasionalisme. Prinsip ini juga dikenali sebagai globalisasi. Kalangan pendukung pascamodenisme mendakwa bahawa sempadan-sempadan nasional adalah satu halangan kepada komunikasi sesama manusia. Mereka meyakini bahawa nasionalisme menjadi penyebab kepada peperangan. Oleh itu golongan pascamodenis sentiasa mengusulkan faham internasionalisme dan penyatuan pelbagai negara yang terpisah-pisah dan mereka sentiasa menghujahkan bahawa kebaikan global adalah lebih penting daripada kepentingan nasional.
- Semua agama adalah sah dan berhak mendapat pengiktirafan yang sama. Prinsip atau ciri ini adalah amat kontroversial kerana ia melibatkan kesamaan dan kesahihan semua agama. Pemikiran pascamoden mencatatkan sekiranya tidak terdapat kebenaran mutlak, tentulah tidak ada satu agama pun yang menawarkan jalan yang betul. Dan sekiranya tidak ada satu agama pun yang betul, tentulah semua agama sama-sama salah belaka; atau sama-sama sah belaka, iaitu bergantung kepada sudut pandangan seseorang, sama ada dia bertolak dari salah ataupun sah betul. Kumpulan pendukung

pascamodenisme ini memberi penilaian tinggi terhadap kepercayaan yang bersifat inklusif dan cenderung ke arah pengwujudan satu agama Zaman Baru. Mereka misalnya mengkritik secara serius dakwaan eksklusif Jesus Christ sebagai hanya satu-satunya jalan menuju Tuhan.

- Moral adalah bersifat personal dan individualistik. Apabila tidak ada agama yang benar dan tidak ada juga kebenaran mutlak, maka idea seseorang tertentu mengenai moral juga adalah sama-sama palsu ataupun sah. Prinsip atau ciri ini tergambar secara amat jelas dalam pernyataan biasa: “Kepada saya itu adalah betul”. Moral setiap seseorang adalah milik dirinya sendiri sahaja, dan moral yang dikenakan oleh pihak lain, sama ada agama, kerajaan atau seseorang yang lain, dan apa pun juga yang mendakwa memiliki kebenaran mutlak, semuanya itu mestilah ditolak dan tidak boleh dipercayai. Dengan meyakini bahawa etika adalah sesuatu yang relatif, pascamodenisme menyerahkan persoalan moral kepada pandangan persendirian seseorang individu. Golongan pascamodenis mendefinisikan moral sebagai kod etika persendirian tiap seseorang tanpa perlu mengikuti nilai-nilai tradisional dan peraturan-peraturan tertentu.
- Autoriti tradisional adalah palsu dan korup. Para pendukung pascamodenisme melaungkan penentangan terhadap hambatan moral keagamaan dan autoriti sekular. Mereka memerangi revolusi intelektual yang menyuarakan keperihatinan terhadap pertubuhan tradisional.
- Etika liberal. Para pascamodenis mempertahankan kepentingan golongan feminisisme dan golongan homoseksual.

Menerusi ciri dan prinsip di atas bolehlah dibina satu kefahaman umum tentang isi kandungan yang terdapat dalam apa yang distilahkan sebagai pascamodenisme. Ia ternyata menghimpunkan sejumlah nilai dan keyakinan yang mendasari pelbagai perkara yang diselinapi oleh faham ini dalam segenap

sektor kehidupan harian manusia semasa, yang merata daripada pelbagai persoalan serius seperti hal-hal yang berkaitan dengan pelbagai bidang akademik dan falsafah, sampailah kepada perkara-perkara remeh temeh yang melibatkan misalnya fesyen pakaian yang diperagakan di kaki lima. Dalam kata lain, ia merujuk kepada suatu faham, keyakinan, dan set minda yang berpegang kepada perkara-perkara berikut:

- a. Ketiadaan kebenaran mutlak dalam segenap perkara, segala sesuatu adalah relatif, sehingga ke tahap tidak ada perbezaan di antara fakta dan pembohongan;
- b. Mengutamakan pandangan, pendapat dan rasional peribadi, termasuk dalam hal yang berkaitan dengan persoalan moral;
- c. Tidak yakin kepada janji dan ideal era moden;
- d. Berpegang kepada pluralisme agama dan etika liberal;
- e. Tidak menghormati autoriti tradisional;
- f. Bersikap mengutamakan komuniti global berbanding komuniti nasional.

Menurut Sardar (2000: 1) pascamodenisme adalah istilah kunci masa kini. Ia menentukan pemikiran dan politik semasa, membentuk kesusasteraan dan seni bina, menjadi kerangka kepada sebahagian besar industri hiburan masa kini dan sedang rancak mencorakkan masa depan perjalanan dunia. Manusia masa kini boleh melihat, mendengar, membaca, membeli-belah dalam persekitarannya, menjadi kagum dengannya, pendek kata manusia masa kini hidup dan bernafas di dalamnya. Ia adalah satu teori; satu amalan kontemporari dan satu syarat kepada era kontemporari. Secara perlahan, tapi penuh kepastian, pascamodenisme sedang mengambil alih perjalanan dunia yang dihuni manusia kini--pemikiran, perkara-perkara yang dilakukan, apa yang diketahui dan apa yang tidak diketahui, apa yang terpaksa diketahui dan apa yang tidak boleh diketahui, apa yang mencorak tabii dan kewujudan manusia. Ia adalah satu teori yang baru mungkin tidaklah terlalu baru iaitu teori penyelamatan yang merangkumi semua perkara dan segala sesuatu dalam kehidupan

semasa. Sesungguhnya, pascamodenisme merupakan ideologi lazim masa kini. Dan menurut Easley (2009: 2) pula pascamodenisme sesungguhnya merupakan suatu kuasa pemacu yang berperanan di belakang kegiatan media, politik, budaya dan agama.

Jelaslah sesungguhnya bahawa pascamodenisme telah dan sedang bergerak aktif menyelinap masuk ke dalam segenap sektor kehidupan dan menguasai denyut nadi perjalanan kehidupan manusia kontemporari, di mana media, politik, budaya dan agama merupakan saluran utama penyebarannya. Ini bermakna bahawa semua set nilai dan gaya hidup yang mendefinisikan pascamodenisme itu sendiri menjadi pegangan dan penghayatan manusia semasa, khususnya di Barat. Dan sebagaimana yang sedia dimaklumi, apabila ia menguasai suasana dan denyut nadi kehidupan Barat, maka ia juga pastinya muncul menjadi suatu imej dan citra yang dikagumi dan secara segera dieksport ke serata dunia menerusi pelbagai cara dan saluran. Dalam kata lain, kelihatan jelas bahawa pascamodenisme bersama set nilai yang menunjanginya pasti mewarnai dan mencorakkan kehidupan manusia sejagat masa kini dan masa akan datang.

3. Sekularisme Edisi Terkini

Dalam konteks pembicaraan mengenai pascamodenisme ini satu perkara yang perlu ditekankan ialah hakikat bahawa ia juga, dalam pandangan sebahagian para peneliti, adalah merujuk kepada bahagian atau fasa yang paling terakhir atau terkini daripada ekspresi sekularisme Barat, yang cirinya, antara lain membuat serangan secara terus menerus ke atas semua unsur fundamentalisme. Fahaman ini membuat serangan hebat ke atas semua bentuk keyakinan yang mengatakan bahawa terdapat suatu kebenaran mutlak, sama ada kebenaran itu diasaskan kepada wahyu Ilahi ataupun usaha akal rasional manusia (Gerholm 1994: 209-210). Ini bermakna bahawa ciri yang mendasari falsafah atau pegangan sekularisme edisi terkini tersebut merujuk kepada

penafian semua bentuk kebenaran mutlak, sebagaimana yang juga menjadi prinsip atau ciri utama pascamodenisme. Sesungguhnya, menurut faham ini, kebenaran mutlak adalah tidak wujud. Apa yang ada semuanya nisbi atau relatif belaka. Dan dasar falsafah yang sebegini bila diterapkan ke dalam segenap sektor kehidupan bermasyarakat, maka akan timbullah kekacauan nilai dalam kalangan ahli masyarakat. Manusia boleh berbuat apa sahaja kerana nilai kebenaran sudah menjadi sesuatu yang nisbi atau relatif belaka.

Adalah perlu dijelaskan bahawa, oleh kerana faham dan pemikiran pascamodenisme ini merupakan lanjutan dan edisi atau fasa terbaru kepada faham sekularisme Barat, maka ia juga sememangnya suatu faham yang bersifat anti-agama dan anti-Tuhan. Dalam perjalanan sejarah moden dunia, faham sekularisme tajaan Barat moden sudah berjaya mensekularisasikan seluruh pelusuk dunia, termasuk dunia Islam. Dan proses sekularisasi itu sebenarnya tidak lain daripada proses pembebasan manusia daripada kongkongan agama dan kawalan metafizik. Hal ini dijelaskan dengan baik oleh Naquib (1978: 15) seperti berikut:

Secularization is defined as the deliverance of man "first from religious and then from metaphysical control over his reason and his language". It is "the loosing of the world from religious and quasi-religious understandings of itself, the dispelling of all closed world views, the breaking of all supernatural myths and sacred symbols . . . the "defatalization of history", the discovery by man that he has been left with the world on his hands, that he can no longer blame fortune or the furies for what he does with it . . . ; [it is] man turning his attention away from worlds beyond and toward this world and this time". Secularization encompasses not only the political and social aspects of life, but also inevitably the cultural, for it denotes "the disappearance of religious determination of the symbols of cultural integration".

Ini bermakna, menerusi sekularisme, kuasa-kuasa Barat telah berjaya membebaskan dunia umumnya daripada

kongkongan dan kawalan agama dan metafizik. Setelah itu, kini edisi terbaru sekularisme yang merupakan paksi utama faham pascamodenisme ini, tentulah tidak kurang kehebatannya berbanding dengan edisi lamanya, malah tentu sekali ada tambahan-tambahan tertentu yang jauh lebih hebat lagi, khususnya aspek yang berhubung dengan penafian semua bentuk kebenaran mutlak. Dalam kata lain, aspek anti-agama dan anti-Tuhan serta pembebasan manusia daripada kawalan agama dan metafizik tentunya sudah merupakan tunjangan utama edisi terbaru sekularisme yang diwarisi daripada edisi lamanya, di samping tambahan lain yang dicirikan secara khusus oleh nisbi atau relatifnya segala sesuatu yang wujud.

Berdasarkan catatan-catatan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pascamodenisme adalah tidak lain daripada fasa dan edisi terkini ekspresi sekularisme Barat yang bertunjangan kerelatifan segala sesuatu dan penafian terhadap kebenaran mutlak, yang berpadu tenaga bersama dengan pembawaan anti-Tuhan serta pembebasan manusia daripada kawalan agama dan metafizik. Sesungguhnya, latar belakang perjalanan sejarah kehidupan manusia Barat itu sendirilah yang memungkinkan munculnya faham pascamodenisme, yang sekali gus juga merupakan sekularisme edisi terkini, dalam karektor dan cirinya seperti di atas.

4. Globalisasi

Sepertimana yang telah dicatatkan sebelum ini bahawa pascamodenisme itu muncul di persada dunia ini dengan membawa bersamanya apa yang diistilahkan sebagai globalisasi, atau dalam kata lain, globalisasi adalah salah satu produk pascamodenisme. Dan pada waktu yang sama pascamodenisme itu sendiri pula adalah ideologi dan budaya yang mencorakkan perjalanan globalisasi, iaitu dalam pengertian bahawa set nilai yang diguna pakai dalam interaksi proses globalisasi itu, sama ada dalam bidang ekonomi, politik, sosial, budaya dan

sebagainya, adalah set nilai dan pegangan yang diberikan oleh pascamodenisme. Semua ini bermakna kedua-dua istilah besar masa kini ini mempunyai kaitan yang amat rapat dan saling berpadu antara satu sama lain. Maka itu, setelah konsep pascamodenisme dicerakinkan seperlunya sebelum ini, di sini perlulah pula ditinjau kandungan yang mendasari istilah dan konsep globalisasi, supaya perihal adunan kedua-duanya dapat difahami dengan baik.

Istilah globalisasi kelihatan sudah demikian lumrah penggunaannya di tengah masyarakat dunia masa kini, termasuk di Malaysia. Namun, hal itu tidak pula bermakna bahawa konsep dan pengertian yang dikandungi oleh istilah globalisasi tersebut difahami dengan baik. Istilah globalisasi ini pertama kali muncul dalam sebuah artikel yang diterbitkan dalam majalah *Spectator* pada tahun 1962, tetapi penggunaan harian istilah ini dalam bahasa Inggeris bermula selepas penerbitan buku *Gutenberg Galaxy* tulisan Marshall McLuhan yang diterbitkan juga pada tahun 1962. Namun, hanya dalam dekad 1980an barulah istilah ini digunakan secara popular dan meluas di tengah masyarakat, khususnya di Barat (NWE 2005: 3; Chanda 2009: 1; SSRC 2011: 1).

Globalisasi adalah satu istilah yang digunakan dengan banyak cara. Sejak kemunculannya ia telah mengalami perubahan daripada ia sebagai satu jargon khusus berubah menjadi hanya suatu klise. Ia adalah satu perkataan yang mempunyai ratusan pengertian yang berbeza. Kalangan ahli ekonomi mengelarkannya sebagai “satu perkataan yang paling banyak disalah gunakan dalam abad ke-21”. Dan tidak ada perkataan atau istilah lain yang difahami secara yang begitu berbeza oleh orang yang berlainan, di samping ia juga merupakan satu topik atau isu yang banyak sekali menimbulkan perdebatan hangat berkaitan dengan kesan positif dan negatif yang dibawa olehnya (Chanda 2009: 1; Muller 2003: 1; WCDSDG 2003: 1; Dunklin

2011: 1). Contoh kepelbagaian makna tersebut, secara umumnya, barangkali boleh dilihat dalam petikan seperti di bawah:

Secara ringkas, globalisasi bermakna menjadikan seluruh dunia sebuah kampung kecil. Kepada sesetengah orang ia bermakna membina sebuah empayar universal yang bersatu. Sudut pandangan lain melihat perkataan ini bermakna mengatasi halangan-halangan nasional, demografi dan geografi yang lama, dan berurusan secara universal tanpa batasan sempadan. Ia juga bermakna kebebasan komunikasi di semua bahagian dunia (Yazigi 2010: 1).

Walau bagaimanapun, istilah ini masih boleh didefinisikan dengan lebih konkrit bagi menjelaskan makna dan konsep yang dibawanya. Oleh itu, globalisasi sebagai satu konsep adalah merujuk kepada pertamanya, “pengecutan” saiz dunia ini dan keduanya, kepada bertambahnya kesedaran dunia sebagai satu keseluruhan. Ia adalah satu istilah yang diguna pakai untuk menjelaskan perihwal bertambah cepatnya pergerakan manusia, ilmu pengetahuan, idea, barangan dan kewangan melintasi sempadan-sempadan kebangsaan atau negara, sehingga membawa kepada saling bertambahnya kebergantungan dalam kalangan penduduk dunia dalam hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi, politik, sosial dan budaya. Ia merupakan satu proses interaksi dan integrasi dalam kalangan kepelbagaian manusia, syarikat dan kerajaan daripada negara berbeza, di mana proses ini digerakkan oleh pelaburan dan perniagaan antarabangsa yang dibantu oleh keupayaan hebat peralatan teknologi maklumat. Dan proses globalisasi ini mendatangkan kesan langsung kepada persekitaran, budaya, sistem politik, pembangunan ekonomi dan kemakmuran, dan kesejahteraan fizikal manusia dalam masyarakat di seluruh dunia. Ia juga merupakan satu alat yang menerusinya teknologi tinggi boleh diperkenalkan dan dapat meningkatkan nilai tamadun. Teknologi tinggi tersebut menjadi satu-satunya jalan komunikasi, tanpanya orang atau masyarakat akan berasa semacam berada “di luar” dunia (NWE 2005: 1; TLI 2011: 1; SSRC 2011: 1; Paul Yazigi 2010: 1-2). Dan semua

hal ini diungkapkan dengan baik oleh seorang jurnalis, Thomas Friedman, dalam buku beliau *The Lexus and the Olive Tree* sebagai berikut:

Globalisasi adalah satu bentuk integrasi yang tidak mungkin dihentikan di antara pasaran, negara-bangsa dan teknologi yang berlaku hingga ke suatu tahap yang tidak pernah disaksikan sebelum ini—iaitu menerusi satu cara yang membolehkan kalangan individu, koperat dan negara-bangsa sampai ke serata dunia sehingga ke tahap yang lebih jauh, lebih cepat, lebih dalam dan lebih murah daripada masa-masa sebelum ini. . . . globalisasi sesungguhnya telah mengambil alih tempat Perang Dingin (*the Cold War*) sebagai penentu kepada sistem antarabangsa (Muller 2003: 1).

Berdasarkan catatan-catatan di atas, setakat ini sejumlah ciri yang menunjangi dan mendefinisikan istilah gobalisasi tersebut sudah boleh dikenali dengan jelas. Ia melibatkan perkara-perkara berikut:

- a. Yang paling utama, berlakunya pengintegrasian di antara tiga komponen utama: Pasaran, negara-bangsa dan teknologi. Ketiga-tiga komponen ini menggerak dan memacu aktiviti manusia, sehingga merentasi sempadan sesebuah negara-bangsa;
- b. Diupayakan oleh kecanggihan teknologi maklumat, sehingga segalanya berlangsung dalam kadar kecepatan yang amat luar biasa dengan kadar harga yang murah;
- c. Bersama dengan teknologi telekomunikasi canggih, ia (globalisasi) sendiri adalah alat bagi kegunaan penyebaran ideologi dan budayanya;
- d. Dunia seluruhnya berubah menjadi “mengecut” dan “mengecil” bagaikan hanya sebuah kampung global;
- e. Kewujudan sempadan-sempadan sesebuah negara dengan negara lain bagaikan tidak bermakna, kerana ia boleh direntasi dengan ketiadaan halangan dan larangan yang jelas; dan

- f. Wujudnya keadaan saling bergantung dan saling kesam-
megehani dalam kalangan warga dunia, syarikat koperat dan
negara-bangsa dalam hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi,
politik, sosial, budaya dan kesejahteraan hidup.

Selanjutnya, istilah globalisasi boleh dijelaskan lagi dengan melihatnya sebagai satu proses dan fenomena yang multi-dimensi sifatnya, meliputi aspek-aspek ekonomi, politik, masyarakat, budaya dan ideologi. Ia tidak boleh dilihat sebagai hanya merangkumi dimensi ekonomi, perdagangan dan teknologi semata-mata seperti yang kerap difahami secara popular. Dan oleh kerana globalisasi ini merupakan satu proses, maka ia berfungsi melahirkan suatu fenomena sedunia yang muncul hasil daripada cantuman pelbagai proses transnasional dan struktur domestik yang membolehkan ekonomi, politik, budaya dan ideologi sesuatu negara mencerobohi atau menembusi sempadan negara lain. Ia juga melibatkan pemampatan masa dan ruang dalam hubungan sosial serta kemunculan kesedaran secara global tentang pemampatan masa dan ruang tersebut (Abdul Rahman 2000 (i): 29; Abdul Rahman 2000 (ii): 124).

Kemudian, apabila didetilkkan aspek multi-dimensi yang dikandungi oleh istilah globalisasi tersebut, maka dapatlah dijelaskan bahawa dimensi ekonomi dalam proses globalisasi tersebut akan merangkumi pengaturan bagi pengeluaran, pertukaran, agihan, dan konsumsi barangan dan perkhidmatan yang beroperasi melalui sistem pasaran. Dalam dimensi ini terdapat isu pemilikan kekayaan dan ketidaksetaraan di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa. Politik pula melibatkan soal kuasa. Ia bukan semata-mata politik secara formal dalam erti kata pemerintah dan parti-parti politik, tetapi bermaksud seluruh pengaturan sosial bagi pemusatan dan penggunaan kuasa sama ada oleh mereka yang mempunyai kuasa negara, ataupun oleh mereka yang merundingi atau mempersoalkan kuasa tersebut, seperti yang dilakukan oleh proses politik akar umbi, termasuk badan-badan masyarakat sivil. Dalam melaksanakan

kuasa, terdapat penggunaan pemaksaan dan pemantauan secara sistematis melalui badan-badan berkuasa seperti tentera, polis, dan sebagainya. Salah satu isu terpenting dalam dimensi politik globalisasi ialah fenomena *detrterritorialization*, atau penyahwilayahan; iaitu satu proses dan tindakan politik yang melintasi perbatasan wilayah negara. Dimensi budaya pula bermaksud pengaturan sosial bagi pengeluaran, pertukaran dan pernyataan simbol yang mencerminkan kehidupan manusia yang merangkumi gaya hidup, kepercayaan, citarasa dan sebagainya. Ia dilahirkan secara material dan bukan-material dalam kehidupan individu dan kelompok, iaitu suatu fenomena yang juga sudah melintasi perbatasan negara. Dimensi ideologi sebagai sebahagian daripada komponen budaya merangkumi persoalan nilai yang dipegang dan dipertahankan sebagai kebenaran oleh seseorang atau sesuatu kumpulan (Abdul Rahman 2000 (i): 30).

Adalah cukup jelas, berdasarkan catatan di atas, betapa luas cakupan yang dicakupi oleh istilah globalisasi yang sedang dibicarakan sekarang. Ia ternyata menyelinap masuk ke dalam semua aspek utama kehidupan manusia, bagaikan tidak tersisa ruang vakum--sambil mengatur, memberi arah, mencorak dan member dan malahan, kadang-kadang memaksa--nilai kepada kelangsungan kehidupan harian manusia dalam pelbagai aspek utama tersebut. Dan amat perlu dicatatkan sekali lagi di sini bahawa set nilai yang diguna pakai dalam proses interaksi dan integrasi yang berlangsung dalam proses globalisasi ini adalah set nilai dan pegangan yang disediakan oleh pascamodenisme. Ini kerana, seperti yang telah dicatatkan sebelum ini, ideologi dan budaya pascamodenisme itulah yang memberi nafas dan menggerakkan proses globalisasi tersebut.

Di samping itu, suatu fenomena khusus yang cukup penting, yang terjelma daripada proses globalisasi ini ialah apa yang boleh disimpulkan dalam satu perkataan yang boleh dianggap keramat dalam pembicaraan globalisasi: *instantness*

atau kesertamertaan; iaitu kesertamertaan dalam pergerakan modal, pergerakan nilai tukaran wang asing, pengaliran maklumat, pengaliran nilai-nilai *Hollywoodization* dengan imej-imej visual dan lambang-lambangnyanya, dan lain-lain yang melintasi perbatasan negara 24 jam dalam sehari. Apa yang berlaku di satu tempat di muka bumi, tanpa kira jaraknya, boleh diketahui dan menimbulkan kesan di tempat lain dengan serta merta. Maka itu, secara metafora boleh diungkapkan bahawa dunia sudah menjadi semakin “mengecil” dan bertukar menjadi semacam “desa sejagat”. Semua pergerakan ini, bukan sahaja sangat sukar dikawal oleh mana-mana negara, tetapi lebih daripada itu, ia boleh menjejaskan kedaulatan sesebuah negara, khususnya negara-negara membangun yang lebih lemah berbanding dengan negara maju (Abdul Rahman 2000 (iii): 71).

5. Pascamodenisme, Sekularisme Edisi Terkini Dan Globalisasi

Demikianlah keseluruhan kandungan umum yang dikandung oleh istilah atau konsep globalisasi. Nampaknya “kecepatan” dalam segala sesuatu adalah salah satu paksi utama yang mendasari konsep globalisasi. Dengan itu, apabila diambil kira globalisasi adalah satu produk pascamodenisme dan pascamodenisme juga merupakan ideologi dan budaya yang mencorakkan globalisasi seperti yang telah dicatatkan sebelum ini, maka akan kelihatan jelas bahawa ciri-ciri dan nilai-nilai yang merupakan satu set minda pegangan dan keyakinan pascamodenisme itu dijaja ke serata dunia dalam satu tempoh kecepatan yang tidak pernah disaksikan oleh zaman-zaman sebelum pascamoden, dan semua nilai tersebut akan memberi kesan segera positif atau negatif--di serata dunia yang dijelajahnya. Maka di sinilah letaknya kehebatan yang kadangkang tidak lebih daripada kecelaruan belaka pascamodenisme yang datang bersama dengan globalisasi. Sehubungan dengan ini, apa yang dapat diperhatikan dengan jelas ialah bahawa,

kalaulah kolonialisme merupakan pembantu utama penyebaran sekularisme edisi lama, maka globalisasi yang dicirikan oleh kecanggihan dan kehebatan teknologi maklumat dan komputer serta teknologi telekomunikasi dan satelit yang berjaya merubah dunia menjadi bagaikan sebuah kampung global itu merupakan sayap kanan yang bertindak sebagai pembantu utama dalam proses penyebaran faham sekularisme edisi terkini ini. Dalam kata lain, faham pascamodenisme, yang juga merupakan edisi terkini ekspresi sekularisme, direbak dan disebarluaskan oleh proses globalisasi yang bertindak sebagai alat penyebaran ideologi dan budayanya.

Dalam suasana yang sedemikian, lalu ingatan seseorang tentunya menjadi segera tertumpu kepada peti televisyen dan monitor komputer yang sekarang ini rata-rata dimiliki oleh warga dunia, malahan dalam keadaan sekarang kedua-dua alat ini, khususnya televisyen, sudah merupakan ahli keluarga utama dalam setiap keluarga. Di samping itu, ingatan juga tertumpu kepada sejumlah istilah seumpama pawagam, filem, CD, VCD, DVD, internet, lebuhraya maklumat, cakera parabola dan 'langit terbuka', antara lain-lain. Semua ini merupakan perisian dan peralatan atau perkakasan canggih yang menjadi penyalur dan penyebar faham, nilai, dan pegangan pascamodenisme masa kini ke serata dunia, untuk melahirkan pula satu bentuk kolonialisme edisi baru. Dan sekali lagi, yang menjadi malang di sini ialah umat bukan Barat, termasuk pastinya umat Islam yang menjadi penerima bahan, bukannya penyedia dan penyalur bahan, dan implikasinya mereka akan terus muncul sebagai golongan malang yang terjajah.

Berdasarkan catatan-catatan di atas dapatlah dirumuskan di sini bahawa faham pascamodenisme, sekularisme edisi terkini dan globalisasi merupakan tiga rangkaian sepadu yang mengandungi doktrin, nilai, keyakinan yang menjadi pegangan, strategi, pengisian dan peralatan canggih tamadun Barat edisi terkini yang diguna pakai untuk menguasai, mencorak dan

memaksakan dominasi ke atas segenap ruang kehidupan manusia masa kini. Ia juga kelihatan semacam suatu penjajahan bentuk baru yang dipaksakan oleh dunia Barat untuk diterima pakai oleh seluruh penghuni planet bumi ini. Gambaran ini memperlihatkan bahawa dunia bukan Barat, termasuk tentunya dunia Islam, menjadi mangsa kepada perancangan teliti untuk memastikan penerusan dominasi dunia Barat ke atas dunia seluruhnya.

Walaupun begitu, amat perlu sekali dicatatkan bahawa, tentulah sama sekali tidak dapat dinafikan akan adanya serpihan-serpihan daripada usaha pendominasian Barat tersebut yang sedikit sebanyak memberikan juga manfaat dan kebaikan kepada kawasan dunia yang didominasinya. Hal ini sebenarnya merujuk kepada sebahagian polisi, strategi dan peralatan canggih yang dihasilkan oleh Barat dalam era pascamoden, seumpama prosedur-prosedur tertentu berkaitan perniagaan dan perdagangan, polisi-polisi khusus misalnya yang berhubung dengan perihal lintas sempadan dan ciptaan-ciptaan teknologi tinggi yang berupa peralatan canggih dalam bidang telekomunikasi, pengangkutan darat, laut dan udara, perubatan dan kesihatan dan yang seumpamanya yang juga boleh dimanfaatkan oleh kehidupan seluruh umat manusia di serata dunia. Dalam kata lain, tidak semua peralatan dan perancangan pihak Barat untuk memastikan dominasinya itu memberikan unsur negatif belaka kepada pihak yang cuba didominasinya, malahan sebahagiannya sememangnya memberikan impak positif yang cukup jelas dan amat diperlukan untuk kesejahteraan hidup manusia sejagat.

C. Ciri-Ciri Bahaya Pascamodenisme Terhadap Umat Islam Semasa

Bagaimanapun, dalam konteks umat Islam, apa yang benar-benar menimbulkan masalah yang cukup besar dan amat fundamental dalam hubungan dengan faham pascamodenisme ini adalah merujuk kepada set nilai dan prinsip pegangan faham

berkenaan yang bercanggah dan bertentangan secara asasi dan diametrikal dengan nilai dan prinsip akidah dan ajaran Islam yang maha suci. Tidak ada satupun nilai dan prinsip pascamodenisme yang disenaraikan sebelum ini boleh diterima dan boleh disesuaikan dengan akidah dan ajaran Islam. Maka di sinilah berpaksinya ancaman dan bahaya besar yang terpaksa dihadapi oleh umat Islam dalam kehidupan semasa. Dan di sini jugalah yang perlu diambil ingatan secara amat sungguh-sungguh bahawa pascamodenisme itu adalah ideologi dan budaya yang mencorak dan mewarnai proses globalisasi, di samping ia jugalah yang merupakan faham sekularisme dalam edisinya yang terkini. Dalam kata lain, pascamodenisme adalah paksi segala kegiatan dalam semua bentuk aktiviti kehidupan manusia pascamoden, khususnya di Barat, sama ada ia berbentuk ekonomi, politik, sosial, budaya, keagamaan dan apa jua namanya. Dalam keadaan sebegini, sudah pastilah semua nilai dan keyakinan pascamodenisme itu akan menyelinap masuk mendasari semua kegiatan kehidupan manusia tersebut.

Catatan di atas menggambarkan manusia Muslim masa kini terdedah luas kepada ancaman yang berkait langsung dengan perihal akidah dan kelangsungan gaya hidup Islam serta jati diri keislaman mereka. Bahayanya itu tertumpu kepada dwi-dimensi yang dihasilkan oleh sekularisasi di satu pihak, dan sogokan nilai pascamodenisme yang juga merupakan edisi terakhir sekularisme itu sendiri yang disebar luas melalui proses globalisasi, di pihak yang lain. Hal ini tertayang bagaikan manusia Muslim yang sudah dibebaskan daripada kongkongan agama dan kawalan metafizik itu akan dengan mudah pula menerima pakai nilai-nilai dan doktrin pascamodenisme yang dengan cepat sekali disebarkan menerusi proses globalisasi.

Dalam kehidupan realiti seharian perihal ini sudah boleh diperhatikan dengan baik di tengah masyarakat Muslim, contohnya di Malaysia. Observasi boleh memperakukan bahawa salah laku akhlak dan bentuk gaya hidup sebahagian kalangan

umat Islam di Malaysia misalnya adalah tentunya terhasil daripada tidak berkesannya, atau paling kurang, tumpulnya kawalan agama dan metafizik terhadap diri dan pendirian setiap individu Muslim yang terlibat hasil daripada proses sekularisasi yang dialami, di samping penerimaan sebahagian nilai yang diperagakan oleh pascamodenisme. Pelbagai bentuk gaya hidup dan salah laku akhlak yang berat dan amat membimbangkan masa kini di Malaysia seperti penyalahgunaan, penagihan dan pengedaran dadah, pelacuran, perzinaan, pembuangan dan pembunuhan bayi, seks songsang, LGBT, seks bebas dan kelahiran anak luar nikah yang semakin bertambah tahun demi tahun, keganasan dalam rumahtangga, penderaan kanak-kanak dan pengabaian terhadap ibu-bapa, melepak dan merempit, pecah amanah dan rasuah, rompakan, pembunuhan, perogolan dan kekejaman, pelbagai gosip dan fitnah liar yang berat untuk menyebut sejumlah contoh yang lumrah terjadi di tengah masyarakat, sehingga tidak memerlukan sebarang bukti dalam bentuk perangkaan dan statistik lagi adalah gambaran tepat kepada proses sekularisasi yang terjadi kepada sebahagian kalangan umat Islam di negara ini. Ini ialah kerana amat sukar untuk digambarkan kalangan Muslim yang dikuasai oleh kawalan metafizik yang dihasilkan menerusi pegangan akidah dan keyakinan penuh terhadap Rukun Iman akan sanggup melakukan jenayah akhlak yang berat seumpama tersebut. Hanya golongan manusia yang kontang dan muflis aspek pegangan akidah dan pengisian kerohanian, lalu gaya hidup mereka menjadi terbabas, sahaja yang tergamak melakukan semua itu. Dan kumpulan “muslim” yang sudah tersasar dan sudah kehilangan “*antibody*” keislaman ini akan mudah menjadi mangsa, dan malahan mudah untuk menjadi alat yang amat berguna, kepada faham pascamodenisme dalam proses penyebarannya yang bertujuan untuk melumpuhkan sendi-sendi akidah dan ajaran Islam.

Di samping itu, pemerhatian juga sudah boleh menemukan bahawa unsur fahaman Islam liberal yang

mendukung pluralisme agama--iaitu dalam pengertian semua agama adalah sama dan benar belaka--juga sudah semakin jelas kemunculannya, dan malahan penularannya, di tengah-tengah kehidupan masyarakat Islam di Malaysia kebelakangan ini. Hal ini jelas berdasarkan ia telah menjadi salah satu isu yang dirafak sembah maklum kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dalam pertemuan pada 14 April, 2011 (Jawatankuasa Fatwa 2011: 2-4). Demikian pula pegangan terhadap etika liberal yang mendokong femanisme dan homoseksual dan perihal moral adalah hal personal dan persendirian adalah juga di antara perkara-perkara yang sudah boleh ditemui terhayat dalam kalangan umat Islam, khususnya di bandar-bandar besar.

Kemudian, pengalaman peribadi penulis sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia mendapati bahawa persoalan tidak menghormati autoriti tradisional yang dimunculkan dalam bentuk memperlekeh dan tidak menghormati ulama dan pandangan ulama telah beberapa kali dibincangkan oleh Muzakarah Jawatankuasa tersebut. Juga, gaya hidup yang bermatlamat dan memberikan keutamaan kepada keseronokan adalah sesuatu yang sudah lama boleh diperhatikan kelangsungannya dalam masyarakat Muslim di Malaysia. Semua ini menunjukkan pengaruh pascamodenisme dalam bentuk-bentuk tersebut juga telah bercambah dengan baik dalam kehidupan sebahagian umat Islam di Malaysia masa kini. Dan semua ini merupakan nilai dan gaya hidup serta pegangan yang boleh menenggelamkan sepenuhnya pegangan akidah dan jati diri keislaman kalangan Muslim.

Dalam semua perkara ini, apa yang cukup membimbangkan ialah bahawa pelbagai nilai dan doktrin negatif dan bahaya daripada perspektif akidah dan ajaran Islam itu, contoh dan peragannya, didatangkan dari Barat yang oleh

banyak pihak dianggap sebagai peneraju kemajuan dan perlu diterima dan ditiru. Nilai-nilai dan doktrin tersebut dibawa datang dalam kadar yang amat cepat, melintasi daratan dan lautan untuk terus sampai ke tengah masyarakat, dan malahan, ke tengah rumah, secara terus menerus dalam tempoh 24 jam sehari. Gambaran ini menjelaskan bahawa nilai, pegangan dan gaya hidup pascamodenisme akan merebak segera dalam kehidupan masyarakat Muslim di Malaysia dan di serata dunia kalau ia terus dibiarkan dan tidak ditangani dengan bijaksana oleh pihak yang bertanggungjawab.

Semua ini bermakna bahawa sebahagian umat Islam sudah terkepong oleh pelbagai nilai dan gaya hidup pascamodenisme. Hal ini sekali gus memberi isyarat dan amaran yang cukup jelas kepada seluruh umat Islam, khususnya kalangan mereka yang masih belum terperangkap dalam kepongangan pascamodenisme, supaya mengambil tindakan segera dengan mengatur strategi untuk, tidak hanya menyelamatkan diri mereka daripada petaka besar ini, tetapi juga menarik keluar saudara-saudara mereka dari kepongangan dan cengkaman pascamodenisme tersebut. Dan di sinilah berdiri tegapnya peranan akidah dalam konteks pembicaraan di sini merujuk kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah untuk menjadi benteng teguh mempertahankan jati diri keislaman ummah daripada hanyut bersama landaan deras faham *mulhid* berbentuk baru ini.

Umat Islam sesungguhnya tidak boleh sekali-kali dibiarkan terdedah secara langsung kepada bahaya dan musibah ini tanpa mereka diberi kefahaman yang jelas serta dilengkapi dengan peralatan-peralatan perlu untuk membolehkan mereka menangkis dan mempertahankan diri daripada serangan bahaya yang dibawa oleh faham pascamodenisme yang disebarkan menerusi globalisasi ini. Mereka tidak boleh dibiarkan kehilangan pegangan akidah dan jati diri keislaman dengan terperangkap ke dalam gaya fikir dan gaya hidup pascamoden yang tidak islamik tersebut.

D. Pendekatan Dan Proses Ke Arah Revitalisasi Peneguhan Pegangan Akidah

Untuk memulihkan keadaan sebahagian ummah yang sudah terjebak dalam kancah nilai yang tidak islamik agar mereka dapat memiliki kembali dan menghayati semula jati diri mereka yang sebenar, maka laluan mestilah diberikan kepada akidah untuk memainkan peranannya yang berkesan sebagai pembentuk identiti dan jati diri dalam kalangan ummah. Maka itu, proses pendidikan akidah perlu diaktifkan kembali dengan diletak dan diberikan posisi yang betul dalam kehidupan harian ummah. Di samping itu proses tersebut juga perlu diberikan sokongan padu tanpa berbelah bahagi oleh pelbagai institusi utama dalam masyarakat ummah, khususnya institusi keluarga, institusi pendidikan—formal dan tidak formal--pertubuhan sosial, kerajaan dan media massa.

Berbekalkan posisi dan sokongan padu seperti yang dicatatkan di sini, keyakinan dan harapan tinggi boleh digantungkan kepada pandangan dan pendekatan al-Ghazali (m.505H/1111M) mengenai cara dan proses pendidikan akidah kepada kanak-kanak dan golongan orang awam sebagaimana terungkap dalam *magnum opus* beliau *Ihya' 'Ulum al-Din*. Saranan dan formula yang diketengahkan oleh tokoh pemikir besar dalam tamadun Islam ini didapati amat strategik dan munasabah. Maka itu, ia akan cuba digilap semula dan dianalisis secukupnya dalam tulisan ringkas ini bagi maksud mencari kesesuaian untuk kegunaan masa kini. Walaupun, tentunya wadah dan persekitaran yang melahirkan formula atau pendekatan itu mungkin sudah berbeza, namun sarannya – iaitu diri manusia – akan tetap juga sama; kerana manusia akan tetap juga manusia – bersama dengan kesamaan tabiinya sebagai manusia – walau dalam zaman mana sekalipun manusia itu hidup.

Proses atau pendekatan yang disarankan oleh al-Ghazali tersebut termuat dalam kitab *Qawi'id al-'aqa'id* (t.th.,jil. 1, hlm.

162ff.), iaitu salah satu kitab yang terdapat dalam *Ihya'*. Al-Ghazali menjelaskan bahawa pendekatan atau proses pendidikan akidah yang mesti diajarkan kepada kanak-kanak dan orang awam itu ialah dengan cara semua selok-belok isi kandungan akidah itu mestilah diterapkan melalui empat tahap berikut (al-Ghazali t.th., i: 162):

- a. Mestilah dimulai dengan menghafaz;
- b. Kemudian diikuti dengan proses memahaminya, iaitu dengan dibentuk kefahaman menerusi cara mendedahkan pengertian isi kandungan akidah tersebut sedikit demi sedikit.
- c. Setelah itu ditasdiqkan (dibenarkan) dengan penuh keyakinan.

Pendekatan atau proses saranan al-Ghazali di atas, yang walaupun kelihatan agak *simple* dan tidak ada apa yang luar biasa, namun kalau diperincikan secara teliti ternyata bahawa ia membabitkan suatu persoalan serius, di mana dua tahap utama dalam diri manusia menjadi terbabit secara langsung. Tahap-tahap tersebut ialah, pertamanya tahap pengingatan mental dan kefahaman mental di satu pihak, dan keduanya tahap kepercayaan serta keyakinan dalam diri di pihak yang lain. Tahap pertama itu tidak begitu sukar diperolehi oleh seseorang manusia yang normal, asalkan sahaja orang berkenaan sanggup memberikan sedikit waktu kepada hal-hal akidah, seumpamanya misalnya mengikuti kelas-kelas formal di sekolah atau mendengar dengan teliti penerangan-penerangan dalam majlis-majlis tertentu. Namun tahap ini tidak menjanjikan apa-apa kepastian bahawa pemiliknya akan bertindak mengikut apa yang difahami atau dihafaznya, kerana kalangan orientalis pun misalnya, yang memahami dengan jelas mengenai akidah Islam, adalah juga berada di tahap ini. Walaupun begitu, tahap ini tetap juga merupakan satu tahap yang cukup penting kerana ia berfungsi sebagai mukadimah – atau meminjam ungkapan al-Ghazali sendiri bagaikan peringkat kerja ‘menabur biji benih’ (al-Ghazali t.th., i:162) – kepada tahap kedua yang akan

melibatkan persoalan kepercayaan dan keyakinan yang terpatut kukuh lagi mendalam dalam diri seseorang.

Tahap kedua dalam proses penerapan pendidikan akidah seperti yang dicatatkan di atas memerlukan kepada pendekatan yang tersendiri untuk menjamin ia menjadi mantap dan bertapak kukuh dalam diri seseorang. Dan sememangnya kerja-kerja pemantapan dan pensebatian sesuatu kepercayaan dan keyakinan tertentu dalam diri seseorang sehingga ke tahap ia tidak mudah digugat oleh apapun juga perkara lain yang mendatang, bukanlah satu perkara yang gampang dilaksanakan. Maka itu, dalam hubungan ini, al-Ghazali telah meyarankan beberapa pendekatan seperti berikut:

- a. Memenuhi waktu dengan banyak membaca al-Quran serta tafsirnya, juga membaca hadis bersama dengan memahami maknanya.
- b. Memenuhi waktu dengan banyak melaksanakan tugas-tugas ibadat;
- c. Sentiasa bergaul dengan kalangan orang-orang yang soleh, iaitu dilaksanakan dengan cara sentiasa menghadiri majlis-majlis ilmu mereka, mendengar kata-kata mereka, melihat tingkah laku mereka yang sentiasa tunduk dan menyerah kepada Allah.

Dalam hubungan dengan saranan-saranan di atas yang pelaksanaannya dianggap oleh al-Ghazali bagaikan siraman air serta taburan baja untuk menumbuh dan menyuburkan 'biji benih' yang sudah sedia 'disemai' – maka beliau bermaksud bahawa penunaian sempurna kesemua saranan berkenaan akan menjadi asas kepada pertambahan kemantapan dan pengukuhan pegangan akidah dalam diri seseorang. Beliau meyakini bahawa hasil daripada pembacaan al-Quran serta telaah hadis secara berterusan, bersama dengan tafsiran dan kefahaman yang jelas, akan menyumbang ke arah bertambah kukuhnya iktikad dan tasdiq dalam diri orang yang terlibat.

Ini kerana, menurut beliau lagi, dalam al-Quran dan hadis banyak sekali terdapat dalil-dalil, hujah serta bukti yang boleh memberi sumbangan untuk memantapkan keimanan atau akidah seseorang. Dalam pelaksanaan tugas ibadat pula, menurut beliau, seseorang akan beroleh sinaran cahaya yang dapat menambahkan rasa keyakinan di dalam diri terhadap kebenaran akidah yang dipegang. Sedangkan sikap suka bergaul dengan kalangan orang-orang soleh pula bermaksud supaya seorang dapat mengambil contoh teladan yang baik daripada gaya hidup dan perlakuan harian kalangan orang yang rapat hubungan mereka dengan Allah, yang tentunya mempunyai sumbangan tersendiri pula dalam proses pengukuhan akidah (al-Ghazali t.th., i:162).

Dapat diperhatikan bahawa saranan-saranan ke arah pemantapan akidah yang diketengahkan oleh al-Ghazali seperti di atas mempunyai kekuatan tersendiri dan cukup munasabah untuk menjadi pemangkin kepada kekentalan akidah. Namun, dalam konteks masa kini ia mestilah dilihat dan dianalisis secara khusus supaya ia boleh menyumbangkan khidmatnya yang maksimum lagi berkesan dalam skop dan perspektif semasa yang permasalahannya cukup remcam, kompleks lagi tersendiri. Dan kejayaan menganalisis hikmah silam tersebut dalam konteks kegunaan masa kini yang berkesan tentu pula kepada kehidupan ummah. Justeru itu, melihat setiap saranan tersebut, sesuai dengan zaman kini yang segala sesuatunya semakin canggih dan kompleks sifatnya, sedang planet bumi pula sudah semakin sempit; kompleks sifatnya, sedang planet bumi pula sudah semakin sempit; dipersempitkan oleh pencapaian teknologi telekomunikasi serta setelit.

Saranan pertama di atas – yang secara *implicit* adalah juga, sebenarnya merujuk kepada tabiat suka membaca bahan-bahan bacaan yang berfaedah dan tentunya akan melahirkan pula masyarakat yang cintakan ilmu dan kebudayaan ilmu – mestilah dilebarkan skop cakupannya tidak cuma tertumpu kepada bacaan

al-Quran dan telaah hadis secara literal, tetapi juga kepada pembacaan bahan-bahan kesusasteraan atau leteratur semasa yang dihasilkan oleh para cendekiawan semasa yang beroleh inspirasi daripada kandungan al-Quran dan al-Hadis. Bahan-bahan kesusasteraan *sacred* seumpama ini mestilah diwujudkan korpusnya di tengah masyarakat dengan membawa nafas dan tema-tema yang boleh menyumbang ke arah menyubur dan memperkukuhkan segenap segi pegangan akidah. Ia mesti wujud dan berada pada taraf arus perdana yang sentiasa bersifat *trendy*, sehingga berupaya meminggirkan bahan-bahan bacaan picisan yang tidak berfaedah menjadi sesuatu yang hanya dilihat oleh masyarakat sebagai bahan yang bersifat *out-dated* dan *obsolete*.

Dalam hubungan dengan saranan kedua pula, kita melihat ia perlu diperluaskan sehingga ia tidak hanya dihadkan kepada tugas ibadat khusus sahaja, tetapi mesti juga dirangkumkan bersama tugas-tugas ibadat umum. Dalam kata lain, ibadat mestilah diberi, dan diletakkan dalam, definisi atau perpektif baru sehingga diperluaskan skopnya bagi menjadikan setiap aktiviti hidup harian masyarakat – seumpama makan dan minum, mencari nafkah hidup dan lain-lain – sebagai satu ibadat; iaitu satu perspektif yang membudayakan hidup seluruhnya sebagai satu ibadat. Maka itu, semua kegiatan hidup seharian setiap individu itu akan menyumbangkan bibit-bibit cahaya kepada hati seperti yang dijelaskan dalam ungkapan Sayidina ‘Ali b. Abu Talib (al-Ghazali 1983, hlm. 82):

Keimanan itu di dalam hati nampak berupa titik-titik putih; setiap kali bertambah keimanan, maka titik-titik putih akan bertambah putih. Apabila seseorang hamba telah dapat menyempurnakan keimannya, maka seluruh hatinya menjadi sangat putih. Sesungguhnya munafik itu nampak dalam hati berupa titik-titik hitam; setiap kali bertambah sifat munafik itu; maka titik-titik hitam pun bertambah pula. Apabila seseorang hamba itu menjadi sempurna sifat munafiknya, maka seluruh hati menjadi sangat hitam.

Dan keputihan hati itulah yang menerbitkan cahaya, di mana ia – seperti dijelaskan oleh al-Ghazali – akan menyumbang ke arah menambahkan rasa keyakinan seseorang individu terhadap kebenaran akidah yang dipegang.

Adapun saranan ketiga itu pula, maka ia perlu dilihat dalam perspektif keseluruhan masyarakat; iaitu diperluaskan daripada individu yang soleh itu kepada masyarakat yang soleh. Dalam kata lain, masyarakat dan semua institusinya yang utama, khususnya institusi kekeluargaan, pendidikan dan media massa, secara umum mestilah berfungsi sebagai sumber kepada contoh teladan yang baik, khususnya dalam segi-segi yang ada hubungan langsung dengan persoalan akidah dan gaya hidup harian. Ibu, bapa, guru, para pemimpin, kalangan yang terlibat dalam menggerakkan denyut nadi media masaa – antara lain-lain – adalah di antara kalangan yang mesti memainkan peranan penting dalam ‘projek’ masyarakat soleh ini. Ringkasnya, masyarakat soleh mestilah berupa sebuah masyarakat yang memiliki persekitaran yang amat kondusif kepada segala sesuatu yang boleh dijadikan contoh teladan yang baik dan boleh menjadi pemangkin ke arah menghasilkan kepercayaan dan keyakinan yang teguh terhadap pegangan akidah.

Sesungguhnya, pelaksanaan semua pendekatan dari saranan al-Ghazali--termasuk aspek-aspek yang dicadangkan sebagaimana di atas—adalah tidak jelas kelangsungannya dalam masyarakat Muslim di serata dunia, contohnya di Malaysia. Di samping itu, adalah cukup perlu difahami bahawa ia bukanlah satu perkara yang senang dan boleh diselesaikan dalam masa yang singkat. Ia tentunya memerlukan perancangan dan pelan bertindak yang teliti dan, malahan yang lebih utama, iltizam yang berterusan, khususnya dari kalangan mereka yang terlibat dalam kepimpinan negara. Prasarana-prasarana yang sesuai mesti diwujudkan, di samping segala bentuk kontradiksi dengan matlamat murni yang diperlukan itu mestilah dihapuskan, dan yang utamanya juga, dalam konteks negara Malaysia masa kini

misalnya, suatu anjakan paradigma daripada apa yang sedang berlangsung sekarang kepada satu pendekatan baru perlu dilakukan secara sungguh-sungguh. Masanya sudah cukup sesuai sekarang untuk melakukan anjakan berkenaan, kerana suasana krisis moral dan akidah masyarakat Muslim di Malaysia kini adalah jelas berpunca daripada kegersangan iman atau akidah. Ia sudah agak parah yang tentunya tidak perlu dan malahan tidak bijak untuk menunggu ia menjadi lebih parah lagi. Krisis moral misalnya, seperti yang telah dicatatkan sebelum ini, sudah menimbulkan kebimbangan banyak pihak termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu beliau menjadi Perdana Menteri, di mana beliau misalnya sudah merungut dan membayangkan tentang perlunya kini kurikulum dan pendekatan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia dirombak dan dirangka semula bagi membolehkan ia berfungsi untuk melahirkan generasi ummah yang memiliki ketahanan diri dalaman (*Utusan Malaysia*, 28 Januari, 1997, hlm. 2). Dengan itu mereka akan dapat mengharungi hidup zaman pascamoden ini dengan identiti keislaman yang jelas dan tidak perlu meminggirkan nilai-nilai akhlak dan agama.

Jadi, kurikulum dan pendekatan pengajaran dan pendidikan mata pelajaran pendidikan Islam yang diajarkan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan Negara Malaysia sekarang nampaknya tidak berupaya untuk melahirkan kalangan individu Muslim yang berakidah teguh dan berakhlak mulia. Hal ini kelihatannya terhasil dari kekontangan nilai akidah seperti yang dimaksudkan di atas. Oleh itu, pendekatan dan proses pendidikan akidah dan saranan ke arah penyuburan akidah dalam diri individu yang diketengahkan oleh al-Ghazali sebagaimana yang dibincangkan dalam tulisan ini ternyata amat perlu diaktif dan diimplimentasikan secara tegas dan sungguh-sungguh dalam kehidupan harian masyarakat Muslim serata dunia kalau umat Islam seluruhnya benar-benar serius mahu melihat kehidupan ummah tidak terus tenggelam dalam arus krisis keyakinan serta

keruntuhan moral yang sedang mereka hadapi sekarang, sehingga menghilangkan jati diri keislaman mereka.

Pendidikan akidah yang dimulai dengan penanaman biji benih dan diikuti dengan bajaan dan siraman berterusan sepertimana yang dicadangkan oleh al-Ghazali adalah satu pendekatan yang bijaksana dalam meneguh dan memperkukuhkan pegangan akidah ummah. Pelaksanaan yang berjaya terhadap pendekatan ini, boleh diyakini akan dapat melahirkan manusia Muslim yang unggul keperibadian mereka, di mana nilai-nilai akhlak yang mulia serta jati diri keislaman menjadi terserlah jelas dalam muamalah harian mereka. Dengan itu pastinya mereka boleh menjadi *benchmark* kepada jenis manusia yang memiliki tamadun yang berkualiti.

E. Kesimpulan

Kelihatannya proses revitalisasi pendidikan akidah adalah satu kemestian yang tidak dapat dielakkan oleh umat Islam semasa di serata dunia. Mereka perlu menggerakkan proses berkenaan secara sungguh-sungguh bagi menjamin kredibiliti mereka sebagai satu ummah boleh tegap berdiri seutuhnya. Mereka tidak boleh terus-terusan menjadi golongan yang bagaikan kehilangan tulang belakang, lembik, dipermain dan dijadikan bahan eksperimen oleh pihak lain seperti yang sedang berlaku masa kini.

Sesungguhnya, keteguhan pegangan akidah pastinya berupaya menyuntik semangat juang untuk mempertahankan dan melonjakkan maruah diri dan agama. Ia merupakan satu instrument ampuh yang amat-amat diperlukan dalam suasana ummah yang bercelaru dan tidak menentu identitinya seperti sekarang. Namun, keteguhan pegangan akidah yang didambakan itu sedang berada dalam keadaan terabai dan perlu kepada gerakan revitalisasi yang terancang. Maka itu, pendekatan yang disaran oleh Imam al-Ghazali sebagaimana terhurai dalam tulisan ringkas ini adalah satu pendekatan yang sesuai diketengahkan

untuk dijadikan asas gerakan massa dalam proses revitalisasi peneguhan akidah. Penerapannya amat perlu disebar luas ke segenap lapisan masyarakat dengan dimulakan secara formal di peringkat pengajaran di sekolah, dan seterusnya diperkukuhkan secara tidak formal dengan menyediakan modul khusus untuk kegunaan pengajaran pada institusi-institusi seumpama masjid dan surau.

Sesungguhnya, apabila ummah dipersiapkan dengan peralatan penagkisan yang wajar, pastinya mereka tidak mudah, dan malahan sekali-kali tidak mungkin, hanyut sekalipun dilanda badai besar yang melanda secara tiba-tiba seperti yang berlaku dengan kehadiran faham pascamodennisme masa kini.

Daftar Kepustakaan

- Abdul Rahman Embong. 2000 (i). "Wacana Globalisasi". Dlm. Norani Othman dan Sumit K. Mandal (Pyt.). *Malaysia Menagani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*. Bangi: Penerbit Univeresiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. 1998. "Cabaran Pasca Modenisme". *Pemikir*. Julai-September, 1998. Bil. 12: 5-17.
- Abdul Rahman Embong. 2000 (ii). "Globalisasi, Negara dan Pembentukan Kelas di Malaysia". Dlm. Norani Othman dan Sumit K. Mandal (Pyt.). *Malaysia Menagani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*. Bangi: Penerbit Univeresiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdudul Rahman Embong. 2000 (iii). "Negara Bangsa Dalam Arus Globalisasi". Dlm. Norani Othman dan Sumit K. Mandal (Pyt.). *Malaysia Menagani Globalisasi: Peserta atau Mangsa?*. Bangi: Penerbit Univeresiti Kebangsaan Malaysia.
- All About Philosophy. 2011. "Postmodernism – What is Truth?". <http://www.allaboutphilosophy.org/postmodernism.htm> [11 Januari 2011].

- All About Philosophy. 2011. "What Are the Characteristics of postmodernism".
<http://www.allaboutphilosophy.org/postmodernism.htm> [10 Januari 2011].
- al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Aylesworth, Gary. 2005. "Postmodernism". Dlm. Stanford Encyclopedia of Philosophy.
<http://plato.stanford.edu/entries/postmodernism/> [12 Januari 2011].
- Chanda, Nayan. 2009. "What is Globalization?"
<http://www.globalenvision.org/library/8/567/> [16 Februari 2011].
- Dunklin, Arthur L. 2011. "Globalization: A Portrait of Exploitation, Inequality and Limits".
<http://globalization.icaap.org/content/v5.2/dunklin.html> [12 Februari 2011].
- Easley, Sean. 2009. "7 Steps to understanding the Characteristics of Postmodernism in Relation to Absolute Truth: What are the Characteristics of Postmodernism?".
http://www.associatedcontent.com/article/1907324/7_steps_to_understanding_the_characteristics.htm [12 Januari 2011].
- The Free Arab Voice (FAV). 2000. "The Matrix of Postmodernism and Globalization".
<http://www.freearabvoice.org/> [5 Januari 2011].
- Gerholm, Tomas. 1994. "Two Muslim Intellectual in the Post Modern West: Akbar Ahmad and Ziauddin Sarder." Dlm. *Islam, Globalization and Postmodernity*. Ed. Akbar S. Ahmad and Hastings Donnan. London and New York: Routledge.
- al-Ghazali, Abu Hamid. t. th. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Jil. 1. Qahirah: Dar al-Kitab al-'Arabi.

- al-Ghazali, Abu Hamid. 1978. "Mizan al-'Amal". Dlm. Majid Fakhri. *Al-Fikr al-Akhlaqi al-'Arabi*. 2 Jil. Beirut: al-Ahliyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'
- Hawke, George. 2010. "Living in a Postmodern World".
<http://georgehawke.worldpress.com/2010/12/28/living-in-a-postmodern-world/> [11 Januari 2011].
- Hoffman, Louis. 2008. "Premodernism, Modernism and Postmodernism: An Overview".
http://www.postmodernpsychology.com/philosophical_systems/overview.htm [2 Januari 2011].
- Hornqvist, Mikael. 2004. "Postmodernism – a Definition (2)". Dlm. Routledge Encyclopedia of Philosophy.
<http://www.idehist.uu.se/distans/ilmh/pm/pm-routledge.htm> [12 Januari 2011].
- Hurd, R. Wesley. 1998. "Postmodernism".
<http://www.mckenziestudycenter.org/philosophy/articles/postmod.html> [10 Januari 2011].
- Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. 2011. "Isu-isu Untuk Dirafak Sembah dan Mohon Perkenan Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni almarhum Sultan Mahmud al-Muktafi Billah Shah". Kuala Lumpur: Istana Negara.
- Khafaji, Basem. 2010. *Straregi Barat Mengekang Islam: Kajian Laporan Yayasan RAND 2007*. Terj. Panel Penterjemah PERKIM. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.
- Klages, Mary. 2003. "Postmodernism".
<http://www.colorado.edu/English/course/ENGL2012Klages/pomo.html> [12 Januari 2011].
- The Levin Institute (TLI), the State University of New York. 2011. "What is Globalization?".
http://www.globalization101.org/What_is_Globalization.html [29 Januari 2011].

- Muller, Klaus. 2003. "The Culture of Globalization".
http://www.aam-us.org/pubs/mn/MN_MJ03_Globalization
[12 Februari 2011].
- New World Encyclopedia. 2011.
<http://www.newworldencyclopedia.org/entry/Globalization>
[15 Februari 2011].
- Sardar, Ziauddin. 2000. "Deconstructing Postmodernism".
<http://www.freearabvoice.org/matrixofpostmodernismandglobalization.htmArt1> [16 Januari 2011]
- Smith, Gary. 2002. "What is the Definition of Postmodernism?".
http://www.Essortment.com/all/postmodernphilo_rorp.htm
[15 Januari 2011].
- Social Science Research Council (SSRC). 2011. "Teaching Resource: Globalization".
http://essays.ssrc.org/sept11/essays/teaching_resource/tr_globalization.htm [15 Februari 2011].
- Wade, Rick. 2002. "Where did "I" Go?: The Loss of the Self in Postmodern Times".
<http://leaderu.com/orgs/probe/wheredid.htm/> [11 Januari 2011].
- Ward, Graham. 2011. "Postmodernism". Dlm. Encyclopedia of Science and Religion. <http://www.enotes.com/science-religion-encyclopedia/postmodernism> [11 Januari 2011].
- World Commission on the Social Dimension of Globalization (WCSDG). 2003. "The Social Dimension of Globalization".
<http://www.ilo.org/public/english/wcsdg/globali/globali.htm> [29 Januari 2011].
- Yazigi, Paul of Aleppo. 2010. "Globalization".
http://www.orthodoxresearchinstitute.org/articles/misc/paul_yazigi_globalization.htm [15 Februari 2011].
- Zakaria Stapa, Faudzinaim Badaruddin, Zainab Ismail, Zamro Muda dan Roziyah Sidik. 2003. "Nilai Keagamaan Masyarakat Melayu Dalam Arus Globalisasi". Laporan

Dato' Zakaria Stapa: Revitalisasi Proses Peneguhan Akidah

Akhir penyelidikan Arus Perdana II (AP 1/2000)). Bangi:
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Zakaria Stapa. 1999. "Pendidikan Islam dan Ancaman Masa
Kini". *Pemikir*. Julai-September 1999. Bil 17: 121-153.